



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6/3/2012



MOHD KAMIL RAHIM | BERITA HARIAN

Perniagaan buku terpakai kurang sambutan BH-6/3/2012

Seorang peminat buku, Ridky Ch'ng Beng Tatt, meneliti buku di Pasar Chowrasta, Jalan Penang, Georgetown. Sejarah perniagaan buku terpakai di Pulau Pinang bermula sejak 1960-an lagi di tapak awalnya dulu dikenali Teik Soon Street. Pada 1970-an peniaga buku di situ diarahkan berpindah ke Jalan Macalister. Bagaimanapun mereka diarahkan berpindah sekali lagi ke tempat sekarang pada November 1991. Menurut seorang peniaga buku terpakai, Nasir Ahmed, 46, selepas berpindah ke situ, perniagaan tidak serancak dulu, kerana orang ramai tidak mengetahui wujudnya gerai buku terpakai di kompleks itu.